

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ACO**

**LAWATAN KOPERASI
PROGRAM KEMBARA JELAJAH BORNEO
NEGERI SARAWAK**

29- 31 JANUARI 2024

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam
Sejahtera

Salam Malaysia Madani, Salam
Perpaduan dan Salam Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI OLEH SEKRATERIAT]

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah S.W.T kerana

dengan IzinNya kita semua dapat berkumpul pada hari ini dalam sesi lawatan dan menyantuni koperasi bersempena dengan Program Jelajah Kembara Borneo Negeri Sarawak.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih

kepada warga koperasi yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan menerima kehadiran kami dari ANGKASA. Kehadiran kami pada hari ini tidak lain tidak bukan bagi merapatkan hubungan dan ukhwah serta melihat kepada kerjasama strategik yang boleh dimanfaatkan antara koperasi dan juga ANGKASA.

3. Saya yakin kerjasama antara ANGKASA dan koperasi mampu untuk memberikan impak yang positif kepada perkembangan sosiekonomi negara dan juga masyarakat dalam mendepani cabaran semasa. ANGKASA amat komited menjalankan peranannya memastikan ekosistem perniagaan gerakan koperasi kekal

memberi daya saing dalam pasaran terbuka.

**Hadirin Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

4. Jelajah ini mengambil inspirasi daripada jelajah 'Kembara Kenali Borneo' KeBawah Duli Yang Maha

Mulia, Seri Paduka Bagina Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang diadakan pada September lalu. Tujuannya hampir sama iaitu ANGKASA ingin mendekatkan diri bersama koperasi di ke dua-dua buah

negeri ini bagi memberi kefahaman berkenaan peranan yang dimainkan sebagai badan puncak dan meningkatkan kefahaman kepada masyarakat berkenaan pentingnya kita semua berkoperasi.

5. Namun ANGKASA mempunyai agendanya tersendiri khususnya

dalam merapatkan jurang kemiskinan rakyat melalui platform koperasi. Gerakan koperasi yang telah bergerak di negara ini selama lebih 100 tahun tetap utuh mendepani pelbagai krisis dunia termasuk COVID-19. Gerakan ini mempunyai kekuatan kerana model keusahawannya disokong kuat oleh anggotanya sendiri dan hala tuju

perniagaannya dibuat secara demokrasi terpimpin.

6. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Jun 2023, terdapat lebih 15,556 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan melebihi 7.3 juta individu syer/yuran

sebanyak RM17.47 bilion; aset lebih RM161.96 bilion dan perolehan sehingga 31 Disember 2022 sebanyak RM45.50 bilion. Angkasa perolehan yang meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan koperasi sedang berada dalam landasan yang tepat dalam landksap pembangunan negara dan

amat berdaya tahan dalam menghadapi segala kemungkinan.

7. Di negeri Sarawak, **sehingga Jun 2023 ada 1,171 koperasi dengan keanggotaan sebanyak 314,471 individu, syer/yuran RM225.61 juta, aset RM653.94 juta dan**

**perolehan sehingga Disember 2022
sebanyak RM392.59 juta**

8. Saya yakin, dengan jumlah keanggotaan koperasi di negeri ini yang semakin memberansangkan, perolehan yang mampu disumbangkan akan terus meningkat. ANGKASA melihat banyak peluang

yang mampu kita terokai secara bersama di Bumi Kenyalang ini.

9. ANGKASA sendiri mempunyai pelbagai program ekplorasi dan inkubasi yang dijalankan di bawah Program Pemerkasaan Koperasi melalui Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan ANGKASA. Koperasi boleh

bekerjasama secara terus dengan ANGKASA, anak syarikat mahupun syarikat bersekutu ANGKASA.

**Hadirin Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

10. Untuk makluman semua ANGKASA amat dikenali di pentas global.

Penyertaan ANGKASA dalam International Cooperative Alliance (ICA) semenjak April 1972 ternyata telah membuka peluang kerjasama perniagaan dengan skala yang lebih besar. Pemilihan kepemimpinan ANGKASA dalam jawatankuasa koperasi di peringkat antarabangsa membuktikan keyakinan masyarakat

luar dengan kejayaan gerakan koperasi di negara ini.

11. Saya sendiri adalah Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia dan Pasifik (ICA-AP) dan barisan kepimpinan lain turut mempunyai tanggungjawab

dalam jawatankuasa meliputi pelbagai sektor di peringkat global. ANGKASA komited memainkan peranan di peringkat antarabangsa bagi memanfaatkan gerakan koperasi negara dengan pelbagai inisiatif termasuklah pertukaran teknologi, perdagangan koperasi dan koperasi,

promosi produk koperasi di luar negara dan lain – lain.

12. Antara perkara yang menjadi tumpuan untuk kita promosikan di peringkat global termasuklah produk HALAL, kewangan Islam, model koperasi sekolah dan model koperasi kariah masjid. Saya amat yakin usaha

ini akan dapat meningkatkan lagi keterlibatan koperasi ke arah ekosistem keusahawanan yang lebih holistik dan mampan untuk meningkatkan taraf hidup anggota dan masyarakat.

**Hadirin Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

13. Saya berharap koperasi di negeri Sarawak akan terus sepakat bersama ANGKASA bagi menyahut hasrat kerajaan melihat gerakan ini menyumbang RM60 Bilion pada tahun 2025 dan RM73 Bilion pada tahun 2030

seiring dengan Dasar Koperasi Malaysia (DAKOM) 2023. Saya yakin dengan sinergi yang ada pada kita semua, hasrat kerajaan untuk memastikan sektor koperasi mencapai aspirasi untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia pada tahun 2030 akan dicapai.

14. ANGKASA sedia mendengar isu dan cabaran koperasi untuk kita panjangkan ke pihak kerajaan supaya dasar dan polisi berhubung pembangunan koperasi dapat ditambahbaik dari semasa ke semasa. Melalui hubungan baik ANGKASA dengan kerajaan, saya yakin setiap permasalahan dapat ditangani dan

diambil tindakan demi manfaat bersama. ANGKASA juga komited untuk meneroka sektor – sektor yang mempunyai potensi untuk memperkasa gerakan ini secara keseluruhan.

15. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada anda semua kerana kesudian untuk menerima kehadiran kami pada

hari ini. Semoga pertemuan ini akan memperkuat lagi hubungan antara ANGKASA dengan anggotanya baik dari sudut hubungan kemanusiaan maupun kerjasama berkekal.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warrahmatullahi
wabarakatuh dan terima kasih.